

LBS DIKTIKRAF SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA SYARIKAT PENGURUSAN TERBAIK DI MALAYSIA OLEH DELOITTE

- Dipilih kerana strategi perniagaan korporat yang jelas dan budaya inovasi yang progresif dalam kalangan tenaga kerja

Petaling Jaya, 7 September 2022 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa LBS telah dipilih sebagai penerima “Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik (Malaysia) 2022” oleh firma perunding global terkemuka Deloitte (“Anugerah”). Anugerah tersebut telah dianugerahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Deloitte SEA, Philip Yuen kepada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, LBS Bina Group, Datuk Wira Joey Lim Hock Guan pada majlis anugerah yang diadakan di Hotel Sunway Resort awal petang tadi.

“Kami sangat berbesar hati menerima anugerah daripada Deloitte. Sebagai Pemaju Perumahan Rakyat, matlamat kami adalah untuk sentiasa mengutamakan orang ramai. Kami ingin menyediakan perumahan kepada seluruh rakyat Malaysia di samping memberi nilai kepada komuniti. Kami tidak mampu ke tahap ini tanpa tulang belakang yang kuat dalam kalangan tenaga kerja LBS. Penghargaan dan pengiktirafan ini merupakan inspirasi untuk kami terus berusaha menjadi lebih baik dan progresif.

Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik Deloitte merupakan sebuah program anugerah perniagaan yang terkemuka dan telah dianjurkan di lebih 37 buah negara sejak 1993. Ia mengiktiraf syarikat tempatan milik persendirian (termasuk entiti yang tersenarai dengan saham majoriti yang dipegang secara persendirian) di atas kecemerlangan organisasi dan sumbangan mereka kepada ekonomi.

Dato’ Cynthia Lim, Pengarah Eksekutif LBS berkongsi “Hari ini, 70% tenaga kerja di LBS berumur 40 tahun ke bawah. Kami sedar bahawa tenaga kerja kami terdiri daripada pelbagai generasi dan setiap daripada mereka mempunyai ideologi dan pemikiran yang tersendiri. Oleh itu, adalah

penting bagi kita untuk memahami proses dinamik dalam kalangan tenaga kerja yang berbilang generasi dan berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan dengan menggalakkan ruang perbincangan serta memperkenalkan pelbagai platform untuk menyuarakan pendapat mereka kerana tidak ada idea yang tidak baik. Ketelusan adalah faktor utama dalam merapatkan jurang yang ada, sama ada untuk syarikat atau pekerja.” katanya dalam sebuah perkongsian panel bertajuk Membina Budaya dan Komitmen pada majlis anugerah tersebut.

Diadili oleh panel perniagaan dan wakil akademik, LBS telah dipilih kerana strategi perniagaan korporat yang jelas dan budaya inovasi yang progresif dalam kalangan tenaga kerja. Di samping itu, panel juri turut kagum dengan prestasi LBS yang kukuh meskipun persekitaran dan komitmen yang mencabar terhadap ahli lembaga, CSR dan juga laporan penilaian kemampuan. Para juri dilihat menantikan perkembangan berterusan LBS pada tahun-tahun akan datang.

Mengulas mengenai anugerah, Tan Sri Lim berkata, “Saya sangat berbesar hati untuk menerima anugerah ini bagi pihak LBS. Kami ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada barisan para juri yang dihormati dan Deloitte. Kami berjaya berada dalam kalangan yang terbaik di samping syarikat - syarikat lain dalam industri yang sama di Malaysia dan telah terpilih sebagai pemenang membuktikan kejayaan dan usaha Syarikat sepanjang tahun. Komitmen LBS terhadap ESG, CSR dan pendigitalan merupakan petunjuk bahawa kami sentiasa menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah. Kami percaya kami perlu kekal optimis dan relevan sepanjang beroperasi. Kejayaan LBS sangat berkait rapat dengan penggunaan strategi perniagaan yang betul dan bekerja keras. Walaubagaimanapun, kami sedar bahawa terdapat lebih banyak lagi perkara yang perlu dilakukan dan kami menantikan kejayaan LBS pada tahun - tahun yang akan datang.”

-Tamat-

Mengenai LBS Bina Group Berhad

LBS Bina Group Berhad (LBS), pemaju perbandaran terkemuka di peringkat antarabangsa dengan visi untuk membina ruang inspirasi sempurna merupakan penyandang pelbagai anugerah menerusi projek pembangunannya. Dengan mengutamakan pembeli rumah, LBS telah membina dan membentuk landskap negara selama 30 tahun dan terus memenuhi permintaan pasaran bagi rumah berkualiti dan mampu milik.

Kini, dengan bank tanah di seluruh Malaysia, LBS terus meraih kejayaan dan kekal kukuh dengan kejayaan perbandaran seperti Bandar Saujana Putra, KITA @ Cybersouth di Dengkil, LBS Alam Perdana di Bandar Puncak Alam dan lain-lain lagi. Selain daripada pembangunan hartanah, LBS turut terlibat di dalam pengurusan runcit, perhotelan dan pelancongan.

Kejayaan berterusan yang dilakar oleh LBS adalah hasil kepimpinan Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Lim Hock San yang turut dianugerahkan dengan pingat emas sebagai *Property Man of the year by Malaysia Property Award (FIABCI)* pada tahun 2018 yang merupakan Anugerah 'Oscar' dalam industri hartanah. Ketabahan dan kegigihan Tan Sri Lim di dalam mengatasi cabaran industri, serta kepimpinan yang cemerlang dengan pengetahuan ilmu industri hartanah yang unggul di samping nilai integriti dan tanggungjawab menjadi tonggak kepada penerimaan anugerah ini.

Untuk pertanyaan media, hubungi:

Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS

Emel : media@lbs.com.my

Disediakan oleh Imej Jiwa Communications Sdn. Bhd bagi pihak LBS Bina Group Berhad

Ng Shu Wain

Tel: +603 7733 7752

M: +6012 280 6909

Emel: shuwain@imejjiwa.com
